

Contoh Soalan Temuduga Yang Susah di Jawab

Bagi saya, [soalan temuduga yang susah](#) untuk kita jawab salah satunya ialah masa kita [kenal diri sendiri](#).

Kiranya, sebaik sahaja anda masukkan ke bilik temuduga, dah pasti akan ada 2 atau 3 orang panel dihadapan. Selepas sahaja anda duduk, panel tadi akan tengok tengok butiran dan resume anda, dan selepas beberapa saat itu ahli panel atau penemuduga akan anda [minta kenalkan diri](#).

Inilah masa yang paling crucial, paling nervous.

Sebab enjin kita baru nak start kan.

So, kita jadikan kenalkan diri ini sebagai point no satu, untuk [soalan soalan yang susah](#) atau sukar dijawab semasa temuduga.

No 1 – Masa kenalkan diri buat pertama kali.

No 2 – mencari perkara yang positive untuk pengalaman kerja yang sudah.

Pernah dengar cerita tak, bila kita interview ni. Banyak orang akan bagi tahu jangan duk cerita buruk untuk kerja anda yang lepas.

Atau duk mengata apa apa pada pekerja yang kerja anda yang sebelum ini. Buruk ke apa, biar begitu sahaja, tak perlu nak ungkit dan bawa sampai masuk ke bilik temuduga ni.

pernah? jangan buat tau, sebab benda ni memang sudah berlaku pada saya. Duk syok sangat bercerita, lastnya kita pun jadi susah nak jawab untuk tackle balik

So lebih baik kita cerita perkara yang positive dan baik baik sahaja.

Dan disnilah susahny nak menjawab soalan temuduga tu, sebab kita boleh ceritakan yang positive sahaja, padahal tempat kerja lama kita bapaknya banyak negative.

No 3 – Dan bila kita cerita positive sahaja, awat berhenti juga.

Ini lagi satu hal, kita kata [tempat kerja](#) yang lepas best. Semua happy, tak ada negative. dah tu kenapa berhenti.

Betul juga kan.

So menjawablah pening kat situ.

No 4 – Soalan yang berbentuk masalah

soalan berbentuk masalah ini memang jenis soalan temuduga yang kita tak boleh nak rancang atau agak apa yang akan ditanya. Kalau jenis [soalan lazim temuduga](#) memang kita boleh agak, sebab soalan begini kita boleh anggap sebagai confirm akan ditanya.

Tapi, kalau soalan berbentuk masalah, memang agak susah sikit.

Dan persediaan yang anda kena buat agak makan masa juga. Sebab kita nak cari possible soalan yang mungkin akan ditanya.

No 5 – soalan yang berbentuk semasa

Soalan semasa ni macam [isu politik](#), covid, mungkin gempa bumi yang baru berlaku. Soalan ini lebih kepada nak tahu kita ni alert dengan keadaan sekeliling ke tak.

Soalan ini pun susah juga, tapi saya belum pernah ditanya lagi. Sebab biasa kerja swasta memang jarang tanya soalan macam ni.

Biasa yang ditanya untuk mereka yang kerja interview government.

No 6 – apakah kekurangan anda

untuk kelebihan, mungkin boleh jawab. Tapi kekurangan ini macam soalan yang double meaning. Kita boleh ja jawab macam biasa, tapi jangan menjawab yang menunjukkan kita ni bengong sangat.

Sebaliknya, lebih kepada mungkin kita perlukan masa untuk adapt dengan environment baru. Dan kita juga, kena expresikan dalam interview itu yang kita ni memang jenis terbuka untuk menerima kritikan dan cadangan orang lain.

Begitu

No 7 – Dimanakah anda berada lagi 10 tahun?

Ini pun boleh kata susah juga. Anda jangan tanya pula orang yang temuduga kita tu balik, 'tuan kerja sini dah berapa lama?'.
.

Kalau dia cakap 15 tahun, ok lah. Tapi kalau dia cakap 3 tahun, jangan pula jawab, tuan pun baru 3 tahun sibuk nak tanya saya 10 tahun pula apa hal.

so, jangan jangan..

Menambahkan can tak dapat kerja sahaja.

Antara faktor orang yang temuduga kita ni nak pada kita, selain daripada pendidikan, [pengalaman](#). Depa juga nak kita ni dengar cakap tau.

Atau yang boleh dengar kata, atau yang bahasa kasarnya akur dengan dia.

So kita kena tunjukkan itu, nanti kita dah dapat kerja, kita

pun dah ada pengalaman sikit, kita pun dah tahu buat kerja, baru kita tunjuk belang sebenar.

Saya memang sebiji buat macam ni. haha

Itu sahaja.

Soalan temuduga susah jawab ni sebenarnya, sangatlah banyak. Dan sangatlah bergantung kepada individu itu sendiri macam mana nak jawab dan tackle soalan soalnya begini.

Whats Next?

Tak lain tak bukan, adalah anda praktis macam mana nak jawab, cuba fikirkan ayat terbaik untuk kita reply.

Dibawah ini, saya akan senaraikan contoh contoh untuk soalan yang saya nyatakan di atas. Kalau diatas tadi, mungkin saya kongsi beberapa atau tajuk besar soalan itu sahaja.

Lepas ini, saya akan senaraikan segala possible soalan yang mungkin akan ditanya. Dan anda pun saya harap dapat kongsi idea apa soalan yang mungkin ditanya, tinggalkan komen ya.